

Kesedaran kitar semula masyarakat masih rendah

Pada setiap tahun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan 11 November adalah hari kitar semula kebangsaan.

Setakat ini, kadar kitar semula di Malaysia ialah pada lima peratus dan jumlah itu rendah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jerman (74 peratus), Belgium (71 peratus), Austria (67 peratus) dan Belanda (66 peratus).

Keadaan kitar semula di negara maju seperti Jepun juga amat berbeza jika dibandingkan dengan Malaysia. Dalam satu rancangan televisyen, program kitar semula di Jepun menunjukkan negara itu mempunyai sistem pelupusan sampah yang cekap.

Pihak berkuasa tempatan di Jepun mempunyai jadual khusus untuk orang ramai menghantar sampah yang diasingkan ke pusat kitar semula.

Sisa yang tidak boleh dikitar akan dikutip pihak berkuasa untuk dilupus atau bakar di insinerator.

Program itu berjaya kerana rakyat Jepun menyedari peranan masing-masing menjaga alam sekitar dan mereka menganggap sampah sumber penting

untuk dikitar semula bagi pelbagai perkara.

Menurut berita yang saya peroleh, kebanyakan tapak pelupusan di Malaysia tidak diuruskan dengan baik.

Ini terbukti apabila lebih 90 peratus daripada 176 tapak pelupusan sedia ada adalah kawasan pembuangan terbuka yang tidak mesra alam.

Selain itu, kebanyakan sampah dibawa ke tapak pelupusan tidak diasing sedangkan lebih 30 peratus daripadanya boleh dikitar semula.

Bilangan tong kitar semula di Malaysia 2,470 manakala bilangan pusat pengumpulan adalah sebanyak 599.

Jumlah ini masih tidak mencukupi untuk menampung sampah dihasilkan setiap hari.

Bagaimanapun, kita dapat lihat betapa anggota masyarakat memandang ringan perkara ini dan hanya berharap sepenuhnya kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu tanpa keinginan untuk bersama mengurangkannya.

Kita sebenarnya tidak menyedari kita membuang sumber yang amat bernilai.

Tahukah anda Malaysia mengimport lebih daripada

25,000 tan kertas buangan setiap bulan untuk menghasilkan produk kertas bagi menampung permintaan tempatan?

Malaysia juga mengimport bahan buangan lain untuk industri pengeluaran lain. Persoalannya, mengapa kita perlu terus mengimport jika kita juga mampu mengumpul kertas buangan untuk di kitar semula?

Dengan mengitar semula kertas akan mengurangkan bilangan pokok yang perlu ditebang. Seperti yang sedia maklum, negara kita sedang mengalami suhu panas, ini adalah kesan daripada penebangan pokok yang semakin berleluasa.

Tambahan pula, mengitar semula lebih menjimatkan berbanding usaha menyelenggara tapak pelupusan sampah atau sistem yang lain. Apabila program kitar semula bertambah cekap, sampah yang perlu dilupus akan semakin berkurangan.

Kesimpulannya, amalan kitar semula amat penting sama ada untuk diri sendiri mahupun persekitaran.

ZULRAIDAH JUMAAT
Universiti Sains Islam
Malaysia